

# Integrasi budaya di Turki

**Turki:** Seramai 11 ahli Kelab Al-Biruni Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Program Integrasi Silang Budaya dan Kajian Kes Bahasa Inggeris di lima universiti terkemuka, di sini, baru-baru ini.

Universiti terbabit ialah Universiti Fatih, Universiti Sulayman Shah dan Universiti Teknikal Yildiz di Istanbul, Universiti Bursa Orhangazi, Bursa dan Universiti Sakarya, Sakarya.

Delegasi UPM diiringi penasihat kelab yang juga pensyarah bahasa Perancis, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM, Dr

Omrah Hassan@Hussin dan penasihat kelab yang juga Timbalan Dekan Akademik Fakulti Sains UPM, Dr Nor Azowa Ibrahim.

Dr Nor Azowa berkata, beliau gembira dan bersyukur dengan layanan istimewa diberikan pihak universiti di Turki sepanjang lawatan berkenaan.

Katanya, program itu dapat mendedahkan peserta dengan budaya dan norma kehidupan masyarakat Turki, selain menambah pengetahuan mengenai sistem pendidikan serta pembelajaran bahasa Inggeris di sana.



**Delegasi Program Integrasi Silang Budaya dan Kajian Kes Bahasa Inggeris UPM** bergambar di Universiti Sulayman Shah.

## Dapat penajaan

“Antara program yang dijalankan ialah pembentangan mengenai UPM, budaya dan etika Malaysia, perbincangan mengenai sistem pendidikan di Malaysia dan Turki serta penggunaan dan pembelajaran bahasa Inggeris di kedua-

dua negara,” katanya.

Sementara itu, Pengarah program, Muhammad Iqbal, berkata perancangan serta pembahagian tugas dilakukan lebih awal bersama-sama Presiden Kelab Al-Biruni, Nurul Husna Osman serta semua ahli bagi

memastikan kelancaran program.

“Alhamdulillah, kami berjaya memperoleh dana dan penajaan dari Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Pusat Zakat UPM, Yayasan Bank Rakyat, Bank Rakyat dan Brahims Food Sdn Bhd bagi

menjayakan program ini.

“Pengalaman dua minggu berada di Turki pasti kekal dalam ingatan dan akan dikongsi bersama-sama rakan lain di UPM agar semua pihak memperoleh manfaat,” katanya.